



Merangkumi
<ul style="list-style-type: none"> Pub dan Kelab Malam Berlesen
Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> Tertakluk kepada aktiviti dilarang yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.
Arahan Tetap
<ul style="list-style-type: none"> Peraturan 17 P.U. (A) 83/2022. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Mematuhi Prosedur Operasi Standard MySOP yang berkuatkuasa 1 Mei 2022 Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang sedang berkuatkuasa.

Nota: Ketetapan protokol ini mengambil kira faktor risiko penularan jangkitan COVID-19 yang tinggi di Pub dan Kelab Malam memandangkan premis ini adalah ruang tertutup (*indoor*) dengan ventilasi yang tidak mencukupi, penjarakan fizikal yang sukar dipatuhi dan tidak dapat mengamalkan pemakaian pelitup muka sepenuhnya.

Waktu Beroperasi	Mengikut syarat lesen dan permit Pihak Berkuasa Tempatan	Kapasiti Premis	100% termasuk ruang tari
-------------------------	---	------------------------	---------------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pemeriksaan dan Pendaftaran Kemasukan	Pihak Bertanggungjawab Terhadap Premis, <ul style="list-style-type: none"> Memastikan pekerja dan pelanggan diwajibkan berdaftar dengan MySejahtera dan membuka fungsi MySJ Trace apabila memasuki premis Memastikan pekerja dan pelanggan dengan status MySejahtera 'Risiko Rendah' sahaja dibenarkan masuk ke premis Kes positif COVID-19 atau individu sedang menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian (HSO) tidak dibenarkan memasuki premis tersebut. Memastikan pelanggan sentiasa memakai pelitup muka semasa berada di dalam premis kecuali semasa aktiviti makan, minum dan menari.
Kawalan Pematuhan Pengoperasian	Pihak Bertanggungjawab Terhadap Premis, <ul style="list-style-type: none"> Melakukan disinfeksi jika dikenal pasti terdapat kes atau kluster COVID-19 - Sila rujuk Annex 36, Garis Panduan KKM COVID-19 MALAYSIA Melaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) terdekat jika dikenal pasti berlaku kluster COVID-19.
Ujian Pengesanan Covid-19	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan perlu menjalani Ujian RTK-Ag Kendiri COVID-19 dengan penyeliaan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) sama ada secara fizikal ataupun secara maya (<i>virtual</i>) dalam tempoh 24 jam sebelum masuk ke premis ATAU pihak premis boleh menjalankan Ujian RTK-AG Kendiri ke atas pelanggan sebelum masuk ke premis sekiranya pelanggan masih belum membuat ujian sebelum itu. Pihak Bertanggungjawab Terhadap Premis, hendaklah memastikan keputusan ujian COVID-19 pelanggan adalah terkini (dalam tempoh 24 jam) dan berstatus negatif. Individu yang tidak melakukan ujian COVID-19 dalam tempoh 24 jam tidak dibenarkan memasuki premis.
Pengudaraan	<ul style="list-style-type: none"> Pihak bertanggungjawab ke atas premis perlu memastikan premis terutamanya di ruang tertutup mempunyai pengudaraan dan sistem ventilasi yang baik mengikut Garis Panduan Pengudaraan dan Kualiti Udara Dalaman, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).